



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

MS ISO 37001:2016
SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH
(ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS)

'TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH'

OBJEKTIF ABMS

1. MENGUKUHKAN KAWALAN SEDIA ADA DALAM MENCEGAH RASUAH
2. MELAKSANA, MENYENGGARA SERTA MENAMBAHBAIK PENGURUSAN ANTIRASUAH
3. PEMBUKTIAN KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN BAHAWA KPWK MEMPUNYAI AMALAN / INISIATIF ANTIRASUAH YANG MENCUKUPI

STATUS TERKINI

HEBAHAN UNTUK KESEDARAN WARGA KPWK

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH PERINGKAT KEMENTERIAN BILANGAN 2 TAHUN 2021 PADA 13 JULAI 2021

“

SAYA MENGHARAPKAN **KERJASAMA SEMUA PIHAK** DALAM USAHA Mendapatkan Pensijilan MS ISO 37001: 2016 BAGI **MENUTUP RUANG DAN PELUANG RASUAH** SERTA MENCAPAI HASRAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE ARAH **TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH**.

”



YBHG. DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

• JANGAN MINTA, TOLAK DAN LAPOR •

UNIT INTEGRITI KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SISTEM PENGURUSAN

Antirasuah

(ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS)

MS ISO 37001:2016

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah (*Anti-Bribery Management Systems – ABMS*) ISO 37001 : 2016 mulai 13 Julai 2021.

Ianya merupakan-

- Sebuah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi;
- Secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan; dan
- Pembuktian kepada pihak berkepentingan bahawa KPWKM mempunyai amalan / inisiatif antirasuah yang mencukupi.



1. PENDAHULUAN



2. RUJUKAN NORMATIF



3. TERMA DAN TAFSIRAN



4. KONTEKS ORGANISASI



- 4.1 Memahami Konteks KPWKM
- 4.2 Memahami Keperluan dan Jangkaan Pihak Yang Berkepentingan
- 4.3 Mengenal pasti Skop ABMS -KPWKM

- 4.4 ABMS KPWKM
- 4.5 Penilaian Risiko Rasuah

5. KEPIMPINAN



- 5.1 Kepimpinan dan Komitmen
 - 5.1.1 Badan Tadbir Urus
 - 5.1.2 Pengurusan Tertinggi
- 5.2 Polisi Antirasuah
- 5.3 Peranan dan Tanggungjawab dan Kuasa Organisasi
 - 5.3.1 Peranan dan Tanggungjawab
 - 5.3.2 Fungsi Pematuhan ABMS
 - 5.3.3 Perwakilan Kuasa Untuk Membuat Keputusan

6. PERANCANGAN ABMS



- 6.1 Tindakan untuk Menangani Risiko dan Peluang
- 6.2 Objektif Antirasuah dan Perancangan Untuk Mencapainya

7. SOKONGAN



- 7.1 Sumber-Sumber
- 7.2 Kompeten
 - 7.2.1 Am
 - 7.2.2 Proses Pengambilan Kerja
- 7.3 Kesedaran dan Latihan
- 7.4 Komunikasi
- 7.5 Dokumentasi
 - 7.5.1 Am
 - 7.5.2 Menyediakan dan Mengemaskini Maklumat

8. OPERASI



- 8.1 Perancangan Operasi dan Kawalan
- 8.2 Semakan Ketekunan Wajar
- 8.3 Kawalan Kewangan
- 8.4 Kawalan Bukan Bersifat Kewangan
- 8.5 Pelaksanaan Kawalan Antirasuah oleh Organisasi Yang Dikawal oleh KPWKM dan Rakan Niaga KPWKM
- 8.6 Komitmen Antirasuah
- 8.7 Pemberian, Hospitaliti, Sumbangan dan Faedah Yang Seumpamanya
- 8.8 Mengurus Ketidacukupan Kawalan Antirasuah
- 8.9 Melapor Kelakuan Tidak Wajar
- 8.10 Penyiasatan dan Pengurusan Kes Rasuah

9. PENILAIAN PRESTASI




- 9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisa dan Penilaian
- 9.2 Audit Dalam
- 9.3 Kajian Semula oleh Pengurusan
 - 9.3.1 Kajian semula oleh Pengurusan Tertinggi
 - 9.3.2 Kajian Semula oleh Badan Tadbir Urus
- 9.4 Kajian Semula oleh Unit Integriti

10.PENAMBAHBAIKAN



- 10.1 Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan
- 10.2 Penambahbaikan Yang Berterusan



POLISI BERKAITAN ABMS KPWKM

KPWKM juga telah membangunkan tiga (3) polisi bagi mencegah perlakuan rasuah dan menambahbaik serta membudayakan integriti di kalangan warga KPWKM seperti berikut-

- Polisi Antirasuah;
- Polisi Pelaksanaan Perlindungan Pemberi Maklumat; dan
- Polisi Tiada Hadiah.

POLISI ANTIRASUAH KPWKM

JANGAN MINTA



LAPOR



TOLAK

Sebagai usaha konsisten dan berterusan memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam menerajui pembangunan masyarakat, KPWKM komited untuk mengambil pendekatan **toleransi sifar terhadap rasuah** (*zero tolerance towards corruption*).



Bagi merealisasikan pendekatan tersebut, KPWKM komited untuk:

- (i) Melarang warga KPWKM daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
- (ii) Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan segala undang – undang serta peraturan berkaitan yang berkuat kuasa;
- (iii) Memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) melalui Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) serta disampaikan kepada semua warga KPWKM bersesuaian dengan visi dan misi KPWKM;
- (iv) Melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib di bawah Unit Integriti KPWKM sebagai usaha kawalan dalaman untuk menetap, menyemak dan mencapai objektif-objektif antirasuah;

- (v) Memastikan segala urusan KPWKM dilaksanakan dengan berintegriti;
- (vi) Memastikan warga KPWKM mematuhi Polisi Antirasuah KPWKM dan segala prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah KPWKM ke arah penambahbaikan berterusan;
- (vii) Memberi ruang kepada warga KPWKM dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah dalam KPWKM serta memastikan maklumat berhubung perlakuan rasuah dan identiti pemberi maklumat dilindungi;
- (viii) Mewujudkan Fungsi Pematuhan iaitu Unit Integriti KPWKM yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah dan melaporkan kepada Badan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan; dan
- (ix) Mengambil tindakan tatatertib / undang-undang yang sewajarnya ke atas warga KPWKM dan pihak-pihak yang berkepentingan yang gagal mematuhi Polisi

OBJEKTIF ANTIRASUAH KPWKM

- (i) Memastikan warga KPWKM menandatangani *Integrity Pact* setiap tahun;
- (ii) Memastikan warga KPWKM membuat pengisytiharan harta berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa;
- (iii) Memastikan program – program pengukuhan integriti bagi warga KPWKM dilaksanakan sekurang – kurangnya lima (5) program setiap tahun; dan
- (iv) Memastikan program – program pengukuhan integriti bagi rakan niaga KPWKM dilaksanakan sekurang – kurangnya satu (1) program setahun.

POLISI TIADA HADIAH KPWKM

KPWKM melaksanakan Polisi Tiada Hadiah yang merangkumi tatacara berkaitan pengurusan penawaran, pemberian, penerimaan atau permohonan hadiah, hospitaliti, derma atau faedah berkaitan. KPWKM juga menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 sebagai panduan pengurusan pemberian dan penerimaan hadiah.

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Pendedahan kelakuan tidak wajar bagi kesalahan jenayah akan diuruskan di bawah Polisi ini.

Pegawai yang diberi kuasa untuk menerima pendedahan ialah Pegawai Siasatan SPRM di Unit Integriti KPWKM.

Kaedah –

- (i) Hadir ke Unit Integriti KPWKM Aras 30, KPWKM
- (ii) Telefon : 03 - 8323 1365
- (iii) Emel : whistleblower@kpwkm.gov.my

TANGGUNGJAWAB PEMBERI MAKLUMAT

Maklumat yang diperlukan mestilah **lengkap dan jelas** iaitu-

- Bila kejadian berlaku (*When*)
- Di mana kesalahan dilakukan (*Where*);
- Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu sebagai saksi (*Who*);
- Apa kesalahan yang dilakukan (*What*);
- Kenapa kesalahan dilakukan (*Why*);
- Bagaimana transaksi Tersebut dilakukan (*How*)
- Asas Kebimbangan
- Dokumen yang terlibat

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DIBERI KUASA

- Pegawai diberi kuasa perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan di bawah Akta 711.



-Pegawai diberi kuasa akan memudah cara pendedahan KTW (Kelakuan Tidak Wajar) dengan merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Siasatan serta permohonan perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan.

USAHA WAJAR KPWKM

KPWKM membuat semakan dan menilai sejauh mana risiko rasuah boleh berlaku dalam setiap urusan niaga, projek, aktiviti, hubungan dengan rakan perniagaan dan kakitangan berkenaan. Penilaian adalah termasuk apa-apa usaha wajar (*due diligence*) yang perlu untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi bagi penilaian risiko rasuah.

KPWKM melaksanakan usaha wajar antaranya dalam –

- (i) Projek, aktiviti atau urusan niaga tertentu;
- (ii) Hubungan sedia ada atau hubungan yang dirancang dengan mana-mana rakan niaga atau pihak ketiga; atau
- (iii) Jawatan tertentu di bahagian/unit tertentu.

KAWALAN KEWANGAN KPWKM

KPWKM melaksanakan kawalan kewangan dalam menguruskan urusan kewangan yang dijalankan dengan teratur dan tepat bagi mengelakkan rasuah dengan merujuk kepada Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan Pekeliling Perbendaharaan serta peraturan semasa yang berkuat kuasa.

KAWALAN BUKAN BERSIFAT KEWANGAN KPWKM

KPWKM juga melaksanakan kawalan bukan bersifat kewangan bagi tujuan mengawal dan memantau risiko rasuah yang tidak hanya terhad kepada bidang perolehan, operasi, teknologi maklumat, promosi, sumber manusia serta undang-undang dalam pembangunan masyarakat dengan merujuk kepada semua peraturan semasa yang berkuat kuasa.



KAWALAN ANTIRASUAH OLEH ORGANISASI YANG DIKAWAL OLEH KPWKM DAN RAKAN NIAGA KPWKM

KPWKM melalui Polisi Antirasuah menggalakkan semua organisasi yang dikawal oleh KPWKM / institusi / agensi / rakan niaganya untuk:

- (i) Menerapkan ABMS KPWKM; dan
- (ii) Melaksanakan kawalan antirasuah masing-masing yang bersesuaian.

Dalam keadaan di mana rakan niaga tidak dapat dikawal oleh KPWKM, dan didapati tahap penilaian risiko rasuah serta usaha wajar menemui risiko rasuah agak tinggi, maka KPWKM akan memastikan:

- (i) Rakan niaga mempunyai kawalan antirasuah tersendiri;
- (ii) Jika rakan niaga tidak mempunyai kawalan antirasuah organisasi yang dikenalpasti;
 - a. Memastikan kawalan antirasuah dibuat terhadap urusan niaga, projek atau aktiviti berkaitan; dan

b. Jika rakan niaga tersebut masih tidak mampu untuk mengadakan kawalan antirasuah, KPWKM akan mengkaji semula kerjasama dengan rakan niaga tersebut.

KOMITMEN ANTIRASUAH KPWKM

Bagi rakan niaga yang dikenalpasti mempunyai ciri-ciri risiko rasuah yang tinggi, KPWKM akan memastikan -

- (i) Rakan niaga membuktikan komitmen mencegah dari sebarang unsur rasuah, yang berkaitan dengan mana-mana urusan niaga, projek, aktiviti atau sebarang hubungkait dengan KPWKM; dan
- (ii) KPWKM mampu untuk menamatkan hubungan dengan rakan niaga.

MENGURUS KETIDAKCUKUPAN KAWALAN ANTIRASUAH KPWKM

Sekiranya usaha wajar yang dilakukan ke atas urusan niaga, projek, aktiviti dan mana-mana hubungan dengan rakan niaga tidak mampu dikawal oleh kawalan antirasuah sedia ada-

- (i) Bagi mana-mana urusan niaga, projek, aktiviti atau hubungan yang sedang berjalan dengan rakan niaga, KPWKM boleh memberhentikan, membatalkan, menggantung atau keluar dari urusan niaga tersebut.
- (ii) Bagi mana-mana cadangan urusan niaga baharu, projek, aktiviti atau hubungan, KPWKM boleh menangguhkan atau menolak untuk terlibat dalam urusan niaga tersebut.

**PENYIASATAN DAN PENGURUSAN KES RASUAH
KPWKM**

KPWKM melaksanakan penyiasatan dan pengurusan kes rasuah berdasarkan Pengurusan Aduan Awam Unit Integriti, Garis Panduan Fungsi Pengesanan dan Pengesahan di Unit Integriti Sektor Awam dan Garis Panduan Pengurusan Siasatan KPWKM.

PENILAIAN PRESTASI ABMS KPWKM

KPWKM melaksanakan pemantauan dan pengukuran melalui penganalisaan data berdasarkan pelaksanaan, pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian kajian ke atas maklumbalas pelaksanaan terhadap proses seperti berikut:

- (i) Memastikan output dari proses yang dibuat adalah menurut spesifikasi seperti yang telah ditetapkan;

- (ii) Memastikan pematuhan kepada ABMS; dan
- (iii) Menambahbaik keberkesanan ABMS secara berterusan.

RUJUKAN DOKUMEN ABMS KPWKM

Dokumen – dokumen berkaitan ABMS KPWKM boleh dirujuk di -

Laman web Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/left3&id=dCt5eDlpdENjMGZsNWx3TCt5UENWQT09>

PERTANYAAN

Hubungi Unit Integriti KPWKM:-

Telefon : 03-8323 1132/ 1134/ 1365/ 1897

Emel : integriti@kpwkm.gov.my

